

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 16 OGOS 2019

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab :
Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

****** SEMOGA BERJAYA ******

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

1. Hj Wardi bin Damit, Pemandu di Jabatan Perkhidmatan Awam dibenarkan memohon Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) sehari pada hari Khamis, 25 Julai 2019. Pada hari Sabtu, 27 Julai 2019 dia sekali lagi memohon CSDS sehari dan dibenarkan. Pada hari Isnin, 29 Julai 2019 dia masih belum sihat dan sekali lagi memohon CSDS sehari kerana dia masih ada baki 4 hari CSDS yang masih belum digunakan dalam setahun perkhidmatan. Sila nyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Pengarah Pembangunan dan Pengurusan keatas permohonan ini.
 - a. Membenarkan CSDS kerana masih ada baki 4 hari CSDS yang belum digunakan.
 - b. Tidak membenarkan CSDS dan mengarahkan supaya mendapatkan Sijil Cuti Sakit daripada klinik kerajaan atau swasta
 - c. Tidak membenarkan CSDS dan menyarankan supaya memohon Cuti Tahunan melalui GEMS Mobile App
 - d. Membenarkan CSDS dengan syarat dia kembali bekerja pada keesokan hari

2. Lantikan memangku hanya dibenarkan bagi pegawai-pegawai tempatan dalam perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan dan berkontrak sahaja yang telah berkhidmat dalam jawatannya
 - a. Tidak kurang daripada 3 bulan
 - b. Tidak kurang dari 6 bulan
 - c. Tidak kurang dari 12 bulan
 - d. Tidak kurang daripada 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatannya

3. Awg Ahmad bin Hj Abu Bakar, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat 1 di Jabatan Penerangan telah diterima untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di United Kingdom dan perbelanjaan dibiayai sepenuhnya melalui Chevening's Scholarship. Nyatakan pihak yang berkuasa memberikan kebenaran bagi beliau untuk melanjutkan pengajian.
 - a. Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri
 - b. Pengarah Penerangan
 - c. Pengarah Dermasiswa Kementerian Pendidikan
 - d. Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan

4. Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) merupakan skim tambahan kepada Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP). Berapakah Kadar Caruman serta Jumlah Maksima Caruman setiap bulan bagi pekerja dan majikan?
 - a. Kadar Caruman Pekerja 2.5%, Majikan 2.5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
 - b. Kadar Caruman Pekerja 3.5%, Majikan 3.5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
 - c. Kadar Caruman Pekerja 5%, Majikan 5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja dan Majikan tidak terhad
 - d. Kadar Caruman Pekerja 3%, Majikan 3%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98

5. Tindakan yang boleh diambil sekiranya pegawai/kakitangan yang diarahkan untuk menghadiri sesi kaunseling ingkar untuk menghadirkan diri.
 - a. Diberikan surat amaran keras
 - b. Diberhentikan pembayaran gaji dan elaun
 - c. Digantung kerja berserta ditahan gaji dan elaun
 - d. Ditahan separuh gaji dan elaun

6. Merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 2/2018, Elaun Insentif akan diberhentikan jika pegawai-pegawai didalam keadaan berikut:
 - i. Naik pangkat ke Bahagian 1
 - ii. Cuti Tidak Bergaji
 - iii. Dalam proses diambil tindakan tatatertib

Apakah satu keadaan lagi:

- a. Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri
 - b. Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut
 - c. Cuti Tahunan
 - d. Bertukar gelaran Jawatan
-
7. Seorang Pengarah selaku tetamu kehormat telah menerima sebuah hadiah berbentuk jam daripada syarikat yang melaksanakan projek bagi Jabatannya semasa majlis meraikan kejayaan perlaksanaan projek berkenaan. Nyatakan tindakan yang wajar diambil oleh Pengarah berkenaan.
 - a. Pengarah tersebut selaku Ketua Jabatan boleh menerima hadiah tersebut untuk kegunaan Jabatannya tanpa perlu diisytiharkan
 - b. Pengarah tersebut selaku Ketua Jabatan hendaklah mengisytiharkan penerimaan hadiah tersebut kepada Setiausaha Sulit
 - c. Pengarah tersebut hendaklah menyerahkan dan mengisytiharkan hadiah tersebut kepada Setiausaha Tetap/Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan
 - d. Pengarah tersebut hendaklah menyerahkan dan mengisytiharkan hadiah tersebut Menteri/Timbalan Menteri Kementerian berkenaan

 8. Semua pegawai/kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan Perkhidmatan dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggala 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai/kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman
 - a. Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$30,000
 - b. Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
 - c. Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$15,000
 - d. Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000

9. Berapakah kadar Elaun Memangku bagi pegawai yang dibenarkan memangku menurut para 4.2 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2008?
- $\frac{1}{2}$ dari gaji permulaan Jawatan yang dipangku
 - $\frac{1}{2}$ daripada gaji permulaan pegawai yang memangku
 - $\frac{1}{3}$ dari gaji permulaan Jawatan yang dipangku
 - $\frac{1}{5}$ dari gaji permulaan Jawatan yang dipangku
10. Off in Lieu
- Boleh dibawa ke tahun berikut jika tidak diambil
 - Boleh dikumpulkan bagi tempoh 3 tahun
 - Mesti diambil pada tahun yang sama
 - Boleh dijadikan Cuti Tahunan
11. Pegawai yang memohon menamatkan Perkhidmatan kerana mendapat pekerjaan yang lebih baik di sektor swasta terus sahaja menamatkan perkhidmatan tanpa mendapatkan kebenaran menamatkan Perkhidmatan akan dikenakan tindakan tatatertib yang memungkinkan pegawai berkenaan
- Diberikan amaran keras
 - Dibuang kerja
 - Membayar satu bulan gaji
 - Disenaraihitamkan
12. Fokus dalam Wawasan Perkhidmatan Awam ke 21 adalah seperti berikut kecuali
- Dasar
 - Struktur Organisasi
 - Pelakuan Organisasi
 - Skim Perkhidmatan
13. Seorang kakitangan dalam Bahagian V yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 3 Mei 2019. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunan bagi tahun 2020?
- 1 Jun 2020
 - 3 Mei 2020
 - 3 Jun 2020
 - 31 Mei 2020
14. Tempoh keseluruhan cuti sakit daripada klinik swasta tidak boleh melebihi
- 15 hari berturut-turut
 - Seminggu berturut-turut
 - 3 hari berturut-turut
 - 2 hari berturut-turut

15. Tatacara persuratan diantara Setiausaha Tetap dengan Jabatan dalam Kementerian yang berlainan ialah
 - a. Bersurat (letterhead)
 - b. Memorandum
 - c. Minit
 - d. Faksimili

16. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan cuti tanpa gaji bagi menghadiri kursus Senior Management Program di Singapura atas pembiayaan sendiri selama 28 hari?
 - a. Menteri
 - b. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - d. Ketua Jabatan

17. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 12/2017, tempoh perkhidmatan Kenaikan Pangkat Lajuan Laju (KPLL) bagi kenaikan pangkat daripada tanggungaji B.2 EB.3 sehingga tanggungaji Superscale C adalah selama
 - a. 17 tahun 6 bulan
 - b. 18 tahun
 - c. 10 tahun 6 bulan
 - d. 11 tahun

18. Asas kenaikan pangkat mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83, adalah
 - a. Kelayakan rasmi, pengalaman dan merit
 - b. Kelayakan rasmi, pengalaman dan senioriti
 - c. Kelayakan rasmi, kebolehan dan prestasi
 - d. Kelayakan tertinggi dan integriti

19. Elaun Pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang menuntut di luar negeri yang berumur seperti berikut:
 - a. 12 tahun sehingga 25 tahun
 - b. 10 tahun sehingga 25 tahun
 - c. 5 tahun sehingga 28 tahun
 - d. 3 tahun sehingga 25 tahun

20. Sebarang perubahan gelaran jawatan yang terdapat pemegangnya yang mana gelaran jawatan berkenaan belum wujud dalam Perkhidmatan awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha tetap kepada pihak berkuasa untuk pertimbangan. Siapakah yang dimaksudkan pihak berkuasa berkenaan?
 - a. Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam
 - b. Jawatankuasa Kakitangan
 - c. Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan
 - d. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

21. Bagi pegawai yang menggunakan bantuan kemudahan kewangan kerajaan untuk memiliki perumahan dan pada masa yang sama mendiami perumahan kerajaan, pegawai tersebut dikehendaki mengosongkan perumahan kerajaan tersebut. Kegagalan mengosongkan akan diambil tindakan seperti berikut:
- Boleh diambil tindakan tatatertib
 - Dikenakan bayaran pada kadar sewa rumah/flat yang sebenarnya yang ditanggung kerajaan
 - Dipotong bekalan air dan elektrik
 - Dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan atas sebab melanggar peraturan
22. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan kenaikan gaji EB Khas bagi pegawai/kakitangan kerajaan?
- Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri
 - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - Jurukira Agung
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
23. Seorang pegawai/kakitangan telah dibenarkan untuk mendapatkan kemudahan Elaun Dari Rumah Ke Pejabat. Pegawai ini menggunakan kenderaan miliknya sendiri dan jarak jauh dari rumah ke pejabatnya adalah melebihi 60 km. Berapakah kadar elaun yang akan diterimanya sebulan?
- \$58.00
 - \$55.00
 - \$52.00
 - \$49.00
24. Kebenaran memangku akan diberikan oleh pihak-pihak tertentu mengikut taraf Jawatan dan tempoh memangku. Pihak manakah yang memberi kebenaran bagi jawatan yang dipangku melebihi tempoh 180 hari atau bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seorang pegawai untuk ditetapkan (substantive acting) dalam Jawatan yang dipangkunya?
- Menteri di kementerian masing-masing
 - Menteri di Jabatan Perdana Menteri
 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
25. Sesuatu jawatan kosong untuk di "Trade off" bagi maksud mengadakan gelaran jawatan yang sudah ada di Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak yang berkuasa mempertimbangkan. Siapakah yang dimaksudkan dengan pihak berkuasa itu?
- Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Jabatan Perdana Menteri
 - Jabatan Perbendaharaan
 - Kementerian Kewangan

26. Apakah gred Penilaian Prestasi jika seorang pegawai itu mendapat penilaian 55%?
- Memerlukan Pembaikan
 - Memuaskan
 - Baik
 - Sangat Baik
27. Jika seorang pegawai/kakitngan dibenarkan untuk mengambil Cuti Khas menemani suami/isteri bertugas diluar negeri pegawai/kakitangan tersebut akan
- terus menerima 100% gaji dan elaun-elaun
 - terus menerima 3/5 gaji dan elaun-elaun
 - terus menerima 3/5 gaji sahaja
 - dihentikan gaji serta elaun-elaun
28. Manfaat survivorship adalah pembayaran bulanan kepada tanggungan balu dan anak-anak di bawah umur 21 tahun sekiranya pencarum meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun. Berapa jangka masa pembayaran manfaat survivorship yang dimaksudkan itu?
- 20 tahun
 - 15 tahun
 - 10 tahun
 - Seumur hidup
29. Tugas dan tanggungjawab utama Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam adalah antara lain memberikan perkhidmatan kaunseling dan nasihat bagi warga perkhidmatan awam:
- Meningkatkan produktiviti dan kesedaran serta merancang kemajuan kerjaya
 - Mempunyai masalah dan yang diambil tindakan tatatertib
 - Menyediakan kursus bagi yang akan meninggalkan perkhidmatan awam dan sebab persaraan wajib
- Pilih salah satu kombinasi jawapan tugas dan tanggungjawab berkenaan:
- i dan ii sahaja
 - i, ii dan iii
 - i dan iii sahaja
 - iii sahaja

30. Dayang Suraya binti Hj Abu Bakar adalah seorang pegawai dalam perjawatan tetap dengan sukatan gaji B.3 dan berkhidmat selama 12 tahun. Dia memohon elaun cuti bagi dirinya, suaminya yang bekerja dengan Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd dan 3 orang anak yang berumur 18 tahun sedang menuntut di UK atas biasiswa kerajaan, 5 tahun bersekolah di sekolah swasta dan seorang bayi berumur 18 bulan. Berapakah jumlah elaun cuti yang bakal diterimanya bagi dirinya dan keluarganya?
- a. \$7,500
 - b. \$6,500
 - c. \$5,500
 - d. \$5,000

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk **menjawab tujuh (7) soalan sahaja** daripada sepuluh (10) soalan. Setiap soalan mempunyai **5 markah**.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 3/2019 berkaitan dengan Pengemaskinian Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam, sila nyatakan 5 sahaja objektif-objektif Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator – KPI).
2. Senaraikan Jenis-Jenis Lantikan.
3. Definisi dan Objektif Manual Prosedur Kerja.
4. 5 Garispanduan dan tatacara keselamatan bagi mengawal cap-cap rasmi.
5. Kehadiran Ke Majlis-Majlis Rasmi Negara.
6. Nyatakan sebab-sebab seorang pegawai/kakitangan dalam tempoh percubaan boleh ditamatkan perkhidmatannya (3 markah). Apakah tindakan yang boleh diambil keatas seorang pegawai/kakitangan yang telah berada dalam Perkhidmatan Awam pada masa ia dilantik dalam tempoh percubaannya dan gagal daripada mendapatkan kelayakan untuk ditetapkan dalam jawatan. (2 Markah)
7. Siapakah yang berhak mendapat Elaun Lebih Masa (2 markah) dan nyatakan kadar perkiraan (2 markah) dan syarat (1 markah).
8. Peraturan bagi menyediakan dan mengeluarkan Surat Keliling.
9. Cuti Mandatori.
10. Kadar Baksis Kontrak Asing (3 markah) dan Kontrak Tempatan (1 markah). Bilakah Baksis tidak akan dibayar bagi Pegawai Kontrak Asing (1 markah).

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki **menjawab dua (2) soalan sahaja** daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17 ½ markah.

SOALAN 1 – KAEDAH PENGISIAN JAWATAN KOSONG

- a. Huraikan satu persatu kaedah pengiklanan jawatan-jawatan kosong yang perlu dipenuhi menurut Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggali 83).
(9 markah)
- b. Terangkan kaedah penubuhan Jawatankuasa Pengambilan Bergaji Hari serta tugas jawatankuasa.
(6 markah)
- c. Nyatakan Kadar Pembayaran Gaji bagi pegawai bergaji hari yang berkelulusan HND, Ijazah (Lulus), Ijazah (Kepujian), Ijazah Sarjana, PhD.
(2 ½ markah)

SOALAN 2 – HAL EHWAL CUTI

- a. Sila nyatakan Syarat Am CSDS. (3 Markah)
- b. Terangkan tatacara mendapatkan kebenaran bagi permohonan Cuti Tidak Bergaji. (3 markah)
- c. Apakah peraturan-peraturan yang dikenakan sebelum seorang pegawai diberikan Cuti Beranak? (4 Markah)
- d. Sila nyatakan sebab Cuti Tanpa Catat boleh diberikan kepada pegawai/kakitangan awam. (7 markah)
- e. Tindakan keatas Warga Perkhidmatan Awam yang keluar negeri tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan. (½ markah)

SOALAN 3 – TATATERTIB

- a. Sila nyatakan Penguasa Tatatertib bagi pegawai/kakitangan yang bergaji hari?
(½ markah)
- b. Apakah dasar yang digunakan dalam melaksanakan tindakan tatatertib?
(5 Markah)
- c. Tindakan yang perlu diambil Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan jika pegawai/kakitangan mendapat hukuman sabit kesalahan jenayah.
(3 markah)
- d. Kegagalan pegawai melaporkan ketidakhadiran pegawai/kakitangan akan dikenakan tindakan tatatertib. Bagaimanakah tindakan yang dimaksudkan?
(1 markah)
- e. Apakah tindakan awal yang dipertanggungjawabkan untuk diambil oleh Ketua Jabatan keatas seorang pegawai/kakitangan yang tidak hadir bekerja dengan tidak mendapat kebenaran?
(1 markah)
- f. Senaraikan Tindakan Tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga perkhidmatan awam mengikut kesalahan yang dilakukan.
(7 markah)